

By : TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HJ. HASSAN
KETUA SETIAUSAHA NEGARA
Venue : UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Date : 24/01/2008
Title : MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN,
PROGRAM MENTOR MENTEE DAN POSTER KEPIMPINAN USM

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Y. Bhg. Professor Dato' Dzulkifli Abdul Razak
Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM)

Y. Bhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,
Saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin Nya jua dapat kita bersama-sama berada di Kampus USM, Pulau Pinang ini untuk melancarkan Program Pembangunan Profesional Berterusan, Program Mentor Mentee dan poster Kepimpinan USM. Saya dimaklumkan bahawa mesej yang ingin disampaikan melalui poster ini adalah untuk mengajak kita mengikut resam padi; iaitu semakin kita berisi semakin tunduk pula ke bumi. Saya amat bersetuju dengan tema ini kerana mesej yang ingin disampaikan adalah begitu murni di mana tidak kira setinggi mana pun kita berada, kita hendaklah sentiasa ingat akan asal-usul kita, sentiasa berasa rendah diri serta bersyukur dengan kedudukan itu.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada USM di atas usahanya menganjurkan program seperti ini yang melihat keperluan untuk sentiasa memperbaiki diri secara berterusan. Saya yakin dan percaya bahawa usaha yang dilakukan oleh USM ini kena pada tempat dan masanya. Mereka yang berada di universiti hendaklah sentiasa memberi fokus kepada penghasilan pemikiran baru, bukan sahaja dalam penyelidikan saintifik, tetapi jua dalam pengurusan organisasi.

3. Dalam hubungan ini, Institut Pengajian Tinggi (IPT) harus menjadi role model dalam melaksanakan idea-idea baru demi meningkatkan kecekapan organisasi dan memastikan warganya sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan gelombang perubahan. Kita tidak boleh mengelakkan diri dari perubahan dan mengambil sikap memencil diri.

Hadirin yang dihormati,

4. Anggota perkhidmatan awam, termasuk mereka yang berada di IPT, dari semua peringkat perkhidmatan, samada para pensyarah mahu pun mereka yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran, harus sentiasa berusaha secara berterusan untuk meningkatkan kualiti yang ada. Tidak kiralah kualiti perkhidmatan, kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran mahu pun dalam usaha penyelidikan.

5. Budaya seperti ini perlu juga diterapkan di kalangan mahasiswa agar mereka dapat meneruskannya apabila mereka bekerja kelak. Mereka harus bijak mengimbangkan di antara ilmu dan aplikasinya, berfikir dengan cekap dan berkesan, mempunyai integriti yang tinggi serta sentiasa bersikap jujur dan ikhlas dalam menunaikan tanggungjawab. Apa jua sistem yang diwujudkan perlu sentiasa diperbaiki proses kerjanya dan dilengkapi pula oleh sikap yang betul, mempunyai hemah yang tinggi serta berusaha sedaya mungkin untuk melaksanakannya dengan penuh bijaksana dan bertanggungjawab.

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

6. Usaha seumpama ini harus menjadi satu budaya kerja di kalangan seluruh anggota masyarakat, bukan sahaja dalam perkhidmatan awam, malah jua di pratikkan juga oleh pihak swasta dan korporat kerana kejayaan negara bukan hanya bergantung kepada pihak Kerajaan semata-mata. Saya yakin, jika

Universiti dan IPT-IPT lain berupaya memimpin semua warganya ke arah ini, maka usaha kita untuk membina modal insan yang berkualiti tinggi akan dapat direalisasikan dengan lebih cepat lagi.

7. Saya yakin, USM yang bermottokan 'Kami Memimpin' berupaya untuk mencapai hasrat ini, lebih-lebih lagi dengan adanya komitmen dari semua pihak dalam mendokong dan melaksanakan cita-cita tersebut. Dalam hubungan ini, adalah penting bahawa idea-idea baru untuk meningkatkan lagi proses penyampaian dan meningkatkan kecekapan, perlulah dibuat secara berterusan.

Para hadirin yang dihormati,

8. Dalam era kemajuan teknologi yang semakin canggih dan cepat berubah, kita wajar memanfaatkan apa jua teknologi yang ada dalam meningkatkan keberkesanan komunikasi dan pengurusan organisasi. IPT perlu bersama-sama membantu meningkatkan kecekapan jentera perkhidmatan awam melalui ilmu pengetahuan, kepakaran dan penghasilan dan seterusnya penerapan inovasi baru.

9. Cabaran kini dan di masa hadapan juga memerlukan kita untuk menyedari dan memahami kehendak-kehendak sebenar pengguna dan masyarakat yang rata-ratanya berpendidikan tinggi dan mempunyai akses yang lebih mudah kepada teknologi maklumat dan komunikasi. Selain itu, cabaran di masa depan juga adalah satu keadaan yang berteraskan ilmu pengetahuan yang tinggi (knowledge-based) yang sudah pasti akan menekankan kepada proses pembelajaran sepanjang hayat dan kesedaran yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan di segenap lapisan masyarakat. Ini bermakna anggota perkhidmatan awam perlu bergerak dengan lebih cekap dan lebih pantas dengan tahap profesional yang tinggi. Sikap bertanggung dalam melaksanakan sesuatu tugas yang diamanahkan atau memberikan alasan bahawa ianya "bukan kerja saya" tidak boleh diterima sama sekali dan tiada tempatnya dalam perkhidmatan awam kelas pertama.

Hadirin yang dihormati,

10. Di dalam zaman moden ini juga, rata-rata negara-negara maju di dunia sentiasa menerapkan nilai-nilai yang mementingkan kelestarian alam sekitar dalam pengurusan pejabat. Dalam hal ini, saya dimaklumkan dan berbangga bahawa USM telah mengorak langkah dalam usaha mewujudkan Pejabat Sejahtera atau dikenali sebagai 'Green Office' dalam melestarikan alam termasuk penggunaan mel elektronik bagi mengurangkan penggunaan kertas; program kitar semula dan penjimatan penggunaan tenaga elektrik antara lainnya.

11. Saya juga tertarik dengan poster Kepimpinan USM ini yang mengajak kita menjadi pemimpin yang sentiasa mempunyai akal budi yang tinggi. Biar sehebat mana pun kita, kita haru memimpin dengan penuh hemah dan kasih sayang, antara nilai-nilai yang tidak boleh diukur dengan mudah. Agama juga mengajar kita untuk sentiasa melakukan muhasabah diri dan menghadapi cabaran dengan penuh hikmah.

12. Akhirnya, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada USM atas usaha-usaha yang dilakukan bagi menjayakan program-program yang bermatlamatkan penghasilan satu modal insan yang bermutu. Saya doakan agar usaha ini akan dijalankan secara berterusan dan dapat pula diikuti oleh IPT dan juga jabatan-jabatan Kerajaan yang lain.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya melancarkan Program Pembangunan Profesional Berterusan, Program Mentor Mentee dan poster Kepimpinan USM.

Sekian, wabillahaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.